

'Dr. M bukan nak jadi PM lagi'

mls: 8

WM-9/7/2021

KUALA LUMPUR: Cadangan Tun Dr. Mahathir Mohamad menubuhkan Majlis Pemulihan Negara (MPN) dengan dirinya menjadi pengerusi bagi memulihkan kemelut negara disebabkan Covid-19 memperlihatkan beliau tidak berminat memecah rekod menjadi Perdana Menteri buat kali ketiga.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden (Penaja) Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Datuk Seri Mukhriz Mahathir (**gambar**) berkata, bapanya yang bakal mencecah usia 96 tahun esok tidak lagi mempunyai aspirasi politik untuk memegang jawatan itu sekali lagi.

"Faktor usia beliau sebenarnya satu yang positif. Beliau cuma berhasrat untuk membantu membetulkan keadaan dan membawa kita balik ke landasan yang tepat.

"Beliau tidak berhasrat ataupun bertujuan meraih kelebihan politik bagi diri sendiri, sebab beliau tak ada apa-apa lagi cita-cita selepas itu (menge-tuai MPN)," katanya di sini, baru-baru ini.

Mukhriz berkata, jika kerajaan Perikatan Nasional (PN) menerima cadangan penubuhan MPN, yang terbaik diserahkan kepada Dr. Mahathir kerana semua tahu cadangan itu daripada beliau.

Tambah beliau, sebab lain Dr. Mahathir disyorkan sebagai Pengerusi MPN adalah kerana pengalamannya menangani krisis-krisis besar sebelum ini.